

BAB 3:KEMUDAHAN SEKOLAH

3.1 Bilik Darjah

- 3.1.1 Semua bilik darjah mestilah dibersihkan semasa waktu rehat dan sebelum balik oleh pelajar kelas masing-masing
- 3.1.2 Bilik darjah terbersih akan diberi piala pusingan setiap bulan. Kelas paling kotor akan diumumkan dan semua pelajar kelas berkenaan akan menjalankan kerja sukarela.
- 3.1.3 Papan kenyataan hendaklah dikemaskinikan pada setiap masa dengan notis dan artikel yang diluluskan oleh guru tingkatan.
- 3.1.4 Meja dan kerusi mesti sentiasa teratur dan sampah-sampah tidak dibenarkan dibuang ke dalam meja-meja tersebut.
- 3.1.5 Kipas hanya boleh dipasang selepas rehat kecuali dengan kebenaran guru.
- 3.1.6 Kelas-kelas bertanggungjawab terhadap kebersihan kawasan kaki lima dan longkang di sekitarnya.
- 3.1.7 Papan hitam tidak boleh diconteng secara sebarangan dan mesti dibersihkan selepas setiap mata pelajaran.
- 3.1.8 Semua sampah hendaklah dibuang ke dalam tong sampah di belakang Pusat Sumber.
- 3.1.9 Pelajar tidak dibenarkan berada di dalam kelas semasa Pendidikan Jasmani dan rehat (kecuali mereka yang bertugas selama 10 minit) dan sebelum sekolah bermula (kecuali pada hari hujan).
- 3.1.10 Pelajar tidak dibenarkan membawa masuk sebarang makanan basah ke dalam kelas .
- 3.1.11 Pelajar tidak dibenarkan untuk makan dan minum di dalam kelas.
- 3.1.12 Kerusi kelas mesti diletakkan di atas meja sebelum rehat dan waktu balik setiap hari.

3.2 Kantin Sekolah

- 3.2.1 Pelajar-pelajar dibenarkan ke kantin hanya sebelum dan selepas sekolah serta pada waktu rehat. Penggunaan kantin pada masa lain hanya dengan kebenaran khas dari guru.
- 3.2.2 Pelajar-pelajar hendaklah beratur semasa membeli makanan
- 3.2.3 Pelajar-pelajar hanya dibenarkan makan di kantin.
- 3.2.4 Pelajar-pelajar sesi pagi dibenarkan makan di kantin, gelanggang tenis dan pohon kemboja pada masa rehat sesi pagi sahaja.
- 3.2.5 Perkakas yang digunakan seperti pinggan, sudu, gapu, gelas dan sebagainya mesti diletakkan di tempat yang dikhaskan.
- 3.2.6 Sisa makanan mestilah diletakkan di tempat yang disediakan
- 3.2.7 Segala kertas/pembalut makanan hendaklah dibuang ke dalam tong sampah. Jangan buang sampah ke dalam pasu bunga
- 3.2.8 Ketua kebersihan kelas mesti membersihkan meja kelas masing-masing berdasarkan pelan yang disediakan sebelum loceng kedua dibunyikan pada perhimpunan pertama dan selepas rehat .

- 3.2.9 Meja kantin bagi setiap kelas yang ditanggungjawabkan yang tidak bersih pada waktu pagi dan semasa rehat akan diumumkan pada perhimpunan kedua.
- 3.2.10 Ketua Tingkatan, Penolong Ketua Tingkatan dan Ketua Kebersihan kelas terlibat dikehendaki membersihkan kawasan kantin.

3.3 Dewan Sekolah

- 3.3.1 Pelajar-pelajar tidak dibenarkan bercakap di dalam dewan semasa perhimpunan dan program dijalankan
- 3.3.2 Pelajar dikehendaki menjaga kebersihan dewan pada setiap masa

3.4 Bilik Sakit

- 3.4.1 Pelajar kurang sihat yang ingin ke bilik sakit mesti mengisi borang kebenaran ke bilik sakit yang didapati di pejabat sekolah
- 3.4.2 Surat ini mesti ditandatangani oleh guru bertugas dalam 2 salinan, satu salinan dikepilkan pada buku kedatangan kelas dan satu lagi disimpan oleh pelajar.
- 3.4.3 Buku bilik sakit mesti diisi oleh Kapten Kelas berkenaan
- 3.4.4 Pelajar tidak boleh berada dalam bilik sakit lebih daripada 2 masa
- 3.4.5 Jika keadaannya serius, ibu bapa akan dipanggil atau dibawa ke hospital oleh guru bertugas.

3.5 Surau

- 3.5.1 Surau mestilah sentiasa dijaga kebersihan dan kekemasannya
- 3.5.2 Jadual bertugas yang disediakan mesti dipatuhi oleh pelajar-pelajar berkenaan
- 3.5.3 Surau dikhaskan untuk solat berjemaah dan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti Qiamullail dan sebagainya.
- 3.5.4 Alat kelengkapan yang ada di dalam surau tidak boleh dibawa keluar.
- 3.5.5 Kebersihan dan keselamatan surau adalah tanggungjawab semua murid.
- 3.5.6 Murid-murid perlu menjaga adab sopan semasa berada di dalam surau.
- 3.5.7 Murid-murid tidak dibenarkan tidur atau membuat bising di dalam surau.
- 3.5.8 Murid-murid perlu mengemaskan semula Al-Quran atau bahan-bahan bacaan lain selepas menggunakannya.
- 3.5.9 Murid-murid dilarang membawa makanan atau minuman ke dalam surau.
- 3.5.10 Murid-murid yang terakhir keluar dari surau mesti menutup suis lampu dan kipas serta menutup pintu dan tingkap.

3.6 Dewan Kolej

3.6.1 Dewan kolej mestilah dibersihkan dan dikemas semula selepas digunakan.

3.6.2 Semua alat yang diambil mesti disimpan balik di tempat berkenaan

3.7 Tandas

3.7.1 Tandas mesti dikunci dan dijaga kebersihannya.

3.7.2 Jika tandas tersumbat dan berlaku kerosakan yang berpunca daripada pelajar, pelajar dikehendaki membayar kos penyelenggaraan.

3.7.3 Tuala wanita yang telah digunakan mesti dibungkus dengan rapi dan dimasukkan ke dalam tong 'Sanitact' yang disediakan.

3.8 Pondok Telefon

3.8.1 Pondok telefon sekolah hanya boleh digunakan selama 3 minit semasa rehat, sebelum dan selepas waktu sekolah kecuali dengan kebenaran guru mata pelajaran.

3.9 Kemudahan-kemudahan lain

3.9.1 Papan-papan kenyataan, perabot-perabot dan gambar mesti sentiasa dalam keadaan kemas dan teratur. Poster yang henda ditampal mesti mendapat tandatangan pengetua